



SIARAN MEDIA

KKDW PERUNTUK RM52 JUTA UNTUK PEMBANGUNAN PERDA

NIBONG TEBAL, 20 Mac – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, KKDW memperuntukkan **RM52 juta untuk pelaksanaan 22 projek pembangunan** di Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, PERDA.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata antara projek berkenaan ialah membangunkan Fasa 2 dan 3 Taman Sungai Bakap Perdana yang melibatkan **pembangunan 105 unit rumah teres setingkat bernilai RM4.7 juta** yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun depan.

Tambahnya, PERDA turut menyediakan **367 premis perniagaan** untuk disewa usahawan luar bandar bagi memudahkan mereka menjalankan aktiviti perniagaan.

Selain sebuah **kompleks perniagaan di Sungai Acheh** dengan 10 unit gerai lengkap dengan kemudahan untuk disewa bernilai RM2.5 juta yang dijangka siap penghujung tahun ini.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menambah Kementerian juga telah meluluskan dua projek Jalan Luar Bandar (JALB) di Pulau Pinang.

“Projek pertama adalah projek Jalan Baru Dari Bagan Sg. Pinang Ke Kg. Pulau Betong, Balik Pulau, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang diluluskan pada tahun 2015 dengan kos RM82.5 juta.

Skop projek ini adalah membina jalan sepanjang 10 km dengan spesifikasi JKR R1 dan 2 buah jambatan. Agensi pelaksana bagi projek ini adalah JKR Malaysia. Projek ini telah selesai pembinaan pada 8 September 2023. Dengan siapnya projek ini, satu rangkaian jalan baru yang berkualiti dapat disediakan yang mengambil masa hanya 10 minit perjalanan berbanding 20 minit sebelum ini.” katanya

Jelas beliau lagi, projek kedua adalah projek Pembinaan Jalan Menghubungkan Jalan Bukit Panchor Ke Laluan Persekutuan 1, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

“Projek ini telah diluluskan pada tahun 2020 dengan kos RM31.8 juta dan skop projek adalah membina jalan sepanjang 1.3km dengan spesifikasi JKR R2. Agensi pelaksana bagi projek ini adalah JKR Malaysia. Projek ini dijangka siap pada Februari 2025 dan memberi manfaat kepada penduduk setempat dengan mengurangkan isu keselamatan akibat jalan sempit dan beban trafik yang meningkat di kawasan berkenaan.”

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan program iftar Majlis Santunan Kasih Ramadan di Masjid Al- Amin Simpang Tiga, di sini hari ini.

Pada majlis sama, Datuk Seri Zahid turut menyampaikan bantuan Ramadan kepada 200 penerima termasuk 50 asnaf, 50 anak yatim dan 100 pelajar tahfiz dengan peruntukan berjumlah RM20,000.

Pelajar tahfiz ini daripada institusi tahfiz di daerah Seberang Perai Selatan iaitu Akademik Tahfiz Mutiara, SMKA Abdullah Fahim, Maahad Tahfiz Saidatina Aisyah dan Madrassah Darul Ulum Shaik Zakaria.

Turut disampaikan watakah pelantikan kepada 160 orang Pengerusi Komuniti Desa Madani Pulau Pinang yang berperanan merancang dan melaksana projek serta program di kampung dengan peruntukan sebanyak **RM6,937,500 bagi tahun 2024**.

Dalam pada itu, hampir dua ribu masyarakat setempat diraikan di Majlis Santunan Kasih Ramadan anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Program Iftar yang memasuki tahun kedua penganjurannya ini untuk merapatkan ukhwah masyarakat desa bersama Kementerian dan agensi.

Majlis berikutnya akan diadakan di Labuan; Pendang, Kedah; Kuala Langat, Selangor dan berakhir di Bagan Datuk, Perak.

- TAMAT-

**Disediakan Oleh
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
20 Mac 2024**

MAKLUMAT TAMBAHAN

Komuniti Desa Madani dianggotai oleh:13 orang yang diketuai oleh seorang Pengerusi, seorang Setiausaha dan 11 orang Ahli Jawatankuasa.

Pemberian Insentif Tadbir Urus KDM sebanyak RM5,000 kepada semua KDM untuk melaksanakan program / aktiviti kampung berkaitan pengurusan, keceriaan kampung dan kesejahteraan kampung

Jumlah keseluruhan KDM di Pulau Pinang – 375 institusi.

